

Perdana Menteri Britain Lawat Malaysia Esok
Bernama
11 April , 2012

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Britain David Cameron akan melakukan lawatan rasmi ke Malaysia bermula esok hingga 13 April.

Kementerian Luar dalam kenyataan di sini, hari ini berkata lawatan atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu dijangka akan meningkatkan momentum dan mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Britain.

"Lawatan ini dijangka akan menarik lebih banyak pelaburan British dan meningkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelaburan di rantau ini," kata kenyataan itu.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama Cameron ke Malaysia sejak mengambil alih jawatan perdana menteri pada Mei 2010.

Pada lawatan itu, Cameron akan diraikan dalam satu majlis istiadat sambutan rasmi dan dijadual memberi ucapan di Forum Perdagangan dan Pelaburan Malaysia-Britain.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658362>